

KENYATAAN TAWARAN TENDER



JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS (KEMENTERIAN PERTANIAN INDUSTRI ASAS TANI)

Tawaran ini terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 070101 - (Baja dan Nutrien)** yang masih berkuatkuasa bagi menyertai tender seperti berikut:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	KOD BIDANG	TARAF/JENIS SYARIKAT
PPNS(BAJA) 01/2018(P)	Membekal Dan Menghantar Bekalan Baja dan Bahan Pelengkap Ke Jabatan Pertanian Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2018. (Perincian adalah seperti di lampiran Dokumen Tender)	070101 - Baja dan Nutrien	Terbuka kepada semua jenis syarikat yang berdaftar dengan ePerolehan & eVendor sahaja.

- Dokumen Tender boleh didapati mulai **22 Mac 2018** hingga **11 April 2018** pada waktu pejabat di alamat **Jabatan Pertanian Negeri, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** dengan menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan** dan menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender.
- Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga **RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** secara **TUNAI** sahaja dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- TAKLIMAT:**
Satu sesi taklimat akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : **22 Mac 2018 (Khamis)**
Masa : **10.00 pagi**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Teratai,
Aras G, Wisma Negeri,
70503 Seremban, Negeri Sembilan.**
- Kehadiran pada sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini boleh menyebabkan tawaran tender **TIDAK** dipertimbangkan dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan.
- Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan di sebelah atas kiri sampul surat **No. Tender** dan **Tajuk Tender** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**JABATAN PERTANIAN NEGERI,
TINGKAT 3, BLOK D, WISMA NEGERI
70503 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Tarikh tutup tidak lewat dari dari jam **12.00 tengah hari pada 11 April 2018**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.